



### **Maybank sasar lonjakan PKS di Maybank2u Biz**

MAYBANK menyasar untuk melonjakkan penyertaan pelanggan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia dalam platform digitalnya kepada 80 peratus bagi tempoh 12 bulan akan datang menerusi pelancaran aplikasi Maybank2u Biz.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Datuk John Chong berkata, pada masa ini, hampir 60 peratus PKS di Malaysia pelanggan Maybank.

"Daripada angka itu, 67 hingga 68 peratus PKS sudah berada di platform digital," katanya selepas pelancaran aplikasi perbankan perniagaan serba baharu itu secara maya semalam.

**Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat 1.15 juta PKS di Malaysia pada tahun lalu, mewakili 97.2 peratus daripada penubuhan perniagaan keseluruhannya.**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Abdul Farid Alias berkata, pelancaran Maybank2u Biz sekali lagi menegaskan komitmen pihaknya untuk menyokong tulang belakang negara dalam tempoh perubahan penting ini.

"Bercirikan antara muka intuitif, navigasi mudah dan fungsi perniagaan yang berguna, kami yakin Maybank2u Biz akan diterima baik oleh kalangan PKS," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/763110/maybank-sasar-lonjakan-pks-di-maybank2u-biz>